

WABAK PENYAKIT COVID-19 BERAKHIR DENGAN KEMUNCULAN BINTANG *THURAYYA (PLEIADES)*?

Roslan Umar (Corresponding author)

Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Terengganu

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Tel: +60 193334206 Emel: roslan@unisza.edu.my

Ahmad Najmuddin Zulkeflee, UniSZA

Farisha Irwayu Abdullah, UniSZA

Raihana Abdul Wahab, UM

Rohaizan Baru, UniSZA

Abstrak

Dalam menuju ke era modenisasi, pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan hanya di hujung jari sahaja. Walau bagaimanapun, perkara ini juga boleh memberi keburukan apabila terlalu banyak maklumat palsu atau fakta yang tidak tepat disebar dengan begitu cepat di media sosial. Bidang astronomi juga antara yang tidak terlepas dengan penyebaran maklumat palsu ini iaitu berkaitan dengan hadis kemunculan bintang *Thurayya* yang dikaitkan dengan petanda hilangnya wabak Covid-19. Maklumat ini perlu disemak terlebih dahulu tentang kesahihannya agar tidak berlaku sebarang penipuan padanya. Oleh itu, kesahihan perkara tersebut telah dibuat dengan meneliti dan memerhati beberapa hadith dan kitab tafsir yang berkaitan dengan hal ini. Hasil dapatan mendapati bahawa wabak penyakit akan hilang apabila munculnya bintang *Thurayya* sepertimana yang terdapat di dalam hadith adalah berkaitan dengan penyakit pada tanaman seperti tamar dan tiada kaitan langsung dengan wabak penyakit Covid-19 yang melanda ketika ini.

Kata Kunci: Bintang *Thurayya*, Covid-19, Astronomi, Media Sosial, Wabak Penyakit

Pendahuluan

Menurut *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mua'sirah*, bintang *Thurayya* ditakrifkan sebagai sebuah gugusan bintang-bintang yang terdapat pada buruj *Thaur* dan ia mempunyai 7 bintang yang terang. Dinamakan sedemikian kerana terdapat banyak bintang-bintang yang berdekatan dalam satu tempat (Umar 2008). Jika dilihat dengan mata kasar hanya 7 bintang sahaja dapat dilihat, manakala menggunakan binokular 50 bintang dan menggunakan teleskop yang berkuasa tinggi boleh mencecah sehingga lebih 3000 bintang (Kyselka, 1993).

Bintang Tujuh adalah nama panggilan dalam Bahasa Melayu manakala dalam Bahasa Inggeris ianya dipanggil sebagai *Seven Sister*. Panggilan nama bintang tujuh adalah berbeza mengikut kaum dan tamadun yang mempunyai sejarah tersendiri. Nama panggilan *Pleiades* pula berasal daripada Bahasa Yunani. Walaupun dipanggil sebagai bintang tetapi hakikatnya ianya adalah sebuah gugusan bintang-bintang terbuka (*open star cluster*) yang terdapat dalam buruj *Thaur* (Bahasa Arab) atau Taurus (Bahasa Melayu). Buruj ini memberikan gambaran seekor lembu jantan atau kerbau jantan. Terdapat 88 buruj yang telah ditetapkan oleh Kesatuan Astronomi Antarabangsa (IAU) dan dalam katalog objek *messier* ia dikenali sebagai M45 (Fatini 2021).

Kemunculan Bintang *Thurayya* menandakan mulanya musim panas bagi orang Arab suatu ketika dahulu. Bintang ini akan muncul pada bulan *Ayyar* (Mei). Menurut al-Asfahani (al-Asfahani 1992), kebiasaan orang Arab menggunakan istilah *al-Najm* untuk merujuk kepada bintang *Thurayya*. Ini adalah merujuk kepada beberapa pentafsiran dalam al- Quran, bagi ayat pertama dalam Surah Al- Najm dan juga berdasarkan ayat ke-6 surah al-Rahman, yang menafsirkan bintang pada ayat tersebut adalah Bintang *Thurayya*. Bintang ini adalah sangat penting bagi Masyarakat Arab kerana merupakan salah satu petanda atau petunjuk bagi pertukaran musim yang dikenali sebagai *al- Naw/ al- Anwa'* yang termasuk dalam salah satu 28 bintang yang berada pada laluan bulan pada setiap hari yang dikenali sebagai *manazil al-qamar (lunar mansion)* (Raihana, 2016).



Rajah 1.1: Tujuh Bintang yang menerangi buruj *Thaur* (Kyselka, 1993)

Matan Hadis

Hadis berkenaan kemunculan Bintang *Thurayya* sebagai tanda hilangnya wabak penyakit ada dinukilkan di dalam beberapa kitab hadis yang muktabar. Antaranya ialah *Musnad Imam Ahmad*. Kata Imam Ahmad:

ح كذا = لنا أبو سعيد عباد ح ح كذا = لنا ع س ل ب ه ع عط مه بويه مرة قال: قال رسول الله
 كذا = لنا أبو سعيد عباد ح ح كذا = لنا ع س ل ب ه ع عط مه بويه مرة قال: قال رسول الله
 ع ل ه وس ل م: "إلهذا صيراج مؤنة عت ال ع ا هة"
 ط ل ع ال ه ج م ذ ا

Maksudnya: “Abu Sa’id menceritakan kepada kami. Wuhaib menceritakan kepada kami. ‘Isu Bin Sufian menceritakan kepada kami daripada ‘Atha’ daripada Abu Hurairah. Beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Jika muncul bintang (*Thurayya*) pada waktu pagi maka akan terangkatnya penyakit.” [Riwayat Imam Ahmad (8495)]

Status Hadis

Ulama' telah berbeza pendapat dalam menentukan status hadis ini. Sheikh Syu'aib al-Arnaut mengatakan bahawa sanad hadis Imam Ahmad adalah sanad yang hasan kerana di dalam sanad tersebut terdapat seorang perawi yang bernama 'Isu Bin Sufian sekalipun beliau daif tetapi dikuatkan oleh perawi lain (Ahmad 1997). Sheikh Ahmad Syakir pula mengatakan bahawa sanad bagi hadis tersebut adalah *dhaif* dengan sebab perawi "Isu bin Sufyan (Ahmad 1995). Syeikh Albani juga dalam perbincangan tentang sanad hadis ini menilai sanad hadis ini sebagai daif.

Penjelasan Hadis

Dalam kitab *Al-Fath al-Rabbani li Tartib Musnad al-Imam Ahmad* karangan Sheikh Ahmad Abdul Rahman al-Banna al-Sa'ati, beliau menjelaskan bahawa *al-'ahah* (الاعاهة) iaitu penyakit dari sudut bahasa meliputi penyakit dan wabak pada jiwa atau harta. Maksudnya, penyakit diangkat secara keseluruhan atau beransur-ansur. Beliau menyatakan bahawa ulama' berpendapat tempoh tenggelam bintang *Thurayya* adalah melebihi 50 malam dan ia tidak kelihatan kerana berada dekat dengan matahari pada sebelum (belakang) atau selepasnya (hadapan). Apabila ia terbit dari arah timur pada waktu Subuh, dikatakan bahawa yang dimaksudkan dengan hadis tersebut adalah bagi bumi Hijaz kerana musim menuai buah (tamar) berlaku pada bulan *Ayyar* (Mei). Pada ketika itu, buah-buahan telah matang dan bebas daripada penyakit. Maka, yang dimaksudkan dengan *al-'ahah* (الاعاهة) dalam konteks hadis tersebut adalah khusus bagi tanaman buah-buahan (Banna 1998).

Selain itu, penjelasan berkenaan maksud konteks hadis tersebut juga dapat kita fahami melalui perbandingan dengan riwayat yang lain yang mempunyai makna yang hampir sama. Antaranya ialah:

1. Imam Malik (Malik, 1994): Maksudnya: "Malik mengkhabarkan kepada kami, Abu Al-Zinad (Abdullah Bin Zakwan) mengkhabarkan kepada kami daripada Kharijah bin Zaid Bin Thabit daripada Zaid Bin Thabit bahawa beliau tidak akan berjual beli buah-buahan sehingga muncul bintang *Thurayya*. Yang dimaksudkan adalah berjual beli tamar." [Riwayat Imam Malik (761)]
Abu Al-Walid Sulaiman bin Khalaf al-Baji al-Andalusi menjelaskan hadis ini maksudnya: "Kemunculan bintang *Thurayya* bersama di waktu pagi berlaku pada akhir pertengahan bulan Mei iaitu bulan *Ayyar*. Pada ketika itu, buah-buahan kelihatan matang dan masak di Hijaz serta terselamat daripada penyakit pada kebiasaannya. Maka, dibolehkan jual beli buah-buahan pada ketika itu bukan pada sebelumnya (al-Baji 1914)."
2. Imam Bukhari (Bukhari 2002): Maksudnya: "Daripada Zaid bin Thabit, katanya manusia semasa zaman Nabi berjual beli buah-buahan (tamar). Apabila penjual menyediakan buah-buahan mereka dan pembeli menerima buah-buahan tersebut, penjual akan berkata: buah kami rosak, diserang penyakit dan gugur sebelum masak. Mereka berterusan mengadu masalah buah-buahan mereka yang buruk. Maka Nabi pun bersabda: Janganlah kamu menjual buah hingga terbukti ia elok, kerana banyak perselisihan sesama mereka. Kharijah Bin Zaid Bin Thabit menceritakan bahawa Zaid bin Thabit tidak akan berjual beli tanaman (tamar) sehingga muncul bintang *Thurayya* dan jelas kelihatan warna kuning daripada warna merah (matang)." [Riwayat Imam Bukhari (2193)]

Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani telah menjelaskan dengan terperinci, maksudnya: “Bintang itu adalah *Thurayya* dan kemunculan bintang tersebut pada waktu pagi yang mana ianya berlaku pada permulaan musim panas dan ketika itu cuaca tersangat panas di negeri Hijaz. Kemunculan bintang itu juga menunjukkan permulaan buah-buahan akan masak. Maka ibrah pada hakikat hadis tersebut adalah pada masaknya buah dan kemunculan bintang tersebut adalah tanda bagi perkara tersebut (Bukhari 2002).”

Semakan Menggunakan Perisian Astronomi

Semakan kedudukan bintang *Thurayya* pada waktu subuh bulan Mei di Madinah dilakukan dengan menggunakan perisian *Stellarium*. Pada 25 Mei 621M iaitu 1400 tahun dahulu, bintang *Thurayya* kelihatan terbit di ufuk timur pada pukul 4.00 pagi di Madinah sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 1.



Rajah 1: Bintang *Thurayya* kelihatan terbit pada 25 Mei 621M jam 4.00 pagi.

Kemudian semakan diteruskan lagi untuk tahun 2020 yang mana tahun ditularkan berkenaan dengan hadith kemunculan bintang *Thurayya* ini. Pada 25 Mei 2020M, waktu yang sama iaitu pada pukul 4.00 pagi, bintang *Thurayya* langsung tidak kelihatan terbit di ufuk timur sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 2.




Rajah 2: Bintang *Thurayya* tidak kelihatan terbit pada 25 Mei 2021M jam 4.00 pagi.

Bintang *Thurayya* kelihatan terbit di ufuk timur pada 14 Jun 2020 setelah dianjakkan masa 20 hari dari tarikh 25 Mei 2020 pada waktu yang sama sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 3.




Rajah 3: Bintang *Thurayya* kelihatan terbit pada 14 Jun 2020M jam 4.00 pagi.

Perbezaan tarikh terbit bintang *Thurayya* pada waktu subuh di ufuk timur bagi langit Madinah ini menunjukkan bahawa hadith tersebut hanya terpakai untuk sesuatu zaman sahaja dan tidak terpakai untuk setiap zaman.



1.



2.

Kajian 1. kesan perubahan bumi yang berlaku pada kedudukan bintang-bintang di langit selatan dan b, bintang Polaris pada langit utara (Sumber: Kyselka, 1993)

Perbezaan ini juga selari dengan kajian sains berkenaan dengan kesan peliukan bumi (earth precession) terhadap kedudukan bintang-bintang di langit. Kajian juga menunjukkan bintang Vega kemungkinan akan menggantikan kedudukan bintang utara (Kyselka, 1993).

Kesimpulan

Konteks hadis berkenaan dengan bintang *Thurayya* yang cuba disampaikan oleh Nabi SAW memberikan makna bahawa dengan kemunculan bintang *Thurayya* pada musim panas maka penyakit-penyakit yang ada pada buah-buahan seperti tamar akan hilang dan natijahnya dapat menghasilkan buah yang baik. Justeru, hadis ini tiada kaitan dengan wabak atau virus Covid-19 yang sedang menyerang manusia dan perlu ditolak. Sehingga pada masa ini, kita masih berhadapan dengan wabak Covid-19.

Rujukan

Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran* (30)
 al-Asfahani, al-Raghib (1992). *Mufradat Alfaz al-Qur'an*. ed.: Safwan `Adnan Dawudi,
 Dimashq: Dar al-Qalam, Beirut: al-Dar al-Syamiyyah.
 al-Asqalani, A. (1960). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (1 ed. Vol. 4). Kaherah: al-
 Maktabah al-Salafiah.
 al-Baji, S. K. (1914). *al-Muntaqa Syarh al-Muwatta' al-Imam Malik* (1 ed. Vol. 4). Mesir:
 Matba'ah As-Saadah.

- al-Banna, A. A. R. (1958). *al-Fath al-Rabbani li-tartib Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal al-Shaybani. Wa-ma`ahu Kitab Bulugh al-amani min asrar al-fath al-Rabbani* (1 ed. Vol. 20). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- al-Bukhari, M. (2002). *Sahih al-Bukhari* (1 ed. Vol. 1). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Anas, M. (1994). *Muwatta' Malik Riwayat Muhammad Bin Hassan Al-Shaybani (Semakan: Abdul Wahab Abdul Latif)* (4 ed. Vol. 1). Kaherah: Lajnah Ihya' al-Turath.
- Hanbal, A. (1995). *al-Musnad (Semakan: Ahmad Shakir)* (1 ed. Vol. 8). Kaherah: Darul Hadis.
- Hanbal, A. (1997). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal (Semakan: Syuaib al-Arnaut)* (1 ed. Vol. 14). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Juz. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kyselka, W. (1993). On the Rising of the Pleiades.
- Nurul Fatini Jaafar. Melayu, Orang Asli berkongsi ilmu. Di Akses pada 27 Jun 2021. Astronomi <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/316635/melayu-orang-asli-berkongsi-ilmu-astronomi>
- Raihana Abdul Wahab (2016). Sorotan Sejarah Kajian Bintang Dalam Tafsiran Teks Al-Qur'an Dan Al—Hadith Dan Implikasi Terhadap Perkembangan Astronomi Islam Di Malaysia. Aizan Ali Mat Zin (Ed.). Sejarah Astronomi Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: UMPress.
- Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiah al-Mua'sirah* (1 ed. Vol. 1). Mesir: Alam Al-Kutub.